



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 2005

PINDAAN SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan pindaan terhadap skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam U11, U14 yang telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

LATAR BELAKANG

2. Skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U11, U14 yang berkuat kuasa menetapkan syarat lantikan di peringkat sijil Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Walau bagaimanapun, skop tugas dan tanggungjawab Pembantu Kesihatan Awam telah berubah dan memerlukan pegawai memiliki kemahiran dan pengetahuan yang luas dalam melaksanakan tugas mereka.

3. Oleh yang demikian, dalam usaha untuk memantapkan lagi perkhidmatan ini, program latihan yang bersesuaian di peringkat sijil iaitu Sijil Pembantu Kesihatan Awam telah digubal dan akan ditetapkan sebagai syarat lantikan ke skim perkhidmatan

Pembantu Kesihatan Awam. Selaras dengan perubahan tersebut, perbekalan skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam yang sedia ada perlu dipinda sewajarnya.

PINDAAN

4. Skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U11, U14 yang berkuat kuasa sekarang dipinda kepada Gred U17, U22, U24. Skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam yang baru adalah di **Lampiran A**. Contoh iklan jawatan bagi urusan pengambilan adalah di **Lampiran B** manakala penghuraian kerja selengkapnya adalah di **Lampiran C**.

5. Mulai tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan ini semua lantikan sebagai Pembantu Kesihatan Awam hendaklah menggunakan skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam yang baru ini dan syarat lantikan yang ditetapkan hendaklah dipatuhi.

PELAKSANAAN

6. Semua Pembantu Kesihatan Awam Gred U11, U14 yang dilantik secara tetap adalah layak diberi opsyen untuk ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, U22, U24 yang baru mengikut syarat seperti berikut:-

- (a) pegawai di Gred U11 yang telah berkhidmat tiga tahun dan ke atas pada tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan baru dan pegawai di Gred U14 akan ditukar lantik ke Gred U17;
- (b) pegawai di Gred U11 yang berkhidmat kurang daripada tiga tahun pada tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan baru disyaratkan menghadiri dengan jayanya dan lulus kursus peralihan yang ditetapkan. Pegawai akan kekal dalam gred asal secara Khas Untuk Penyanggah (KUP) sehingga memenuhi syarat tersebut.

7. Tempoh perkhidmatan yang boleh dimasuk kira hendaklah dalam perkhidmatan tetap tidak termasuk tempoh cuti tanpa gaji.

8. Ketua Jabatan hendaklah menghubungi Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mewujudkan jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, U22, U24 secara tukar ganti dengan memansuhkan jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U11, U14.

PEMBERIAN OPSYEN

9. Dengan terlaksananya skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, U22, U24, Pihak Berkuasa Melantik melalui ketua perkhidmatan akan menawarkan opsyen tukar lantik kepada pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U11, U14 bagi membolehkan pegawai membuat pilihan. Pegawai yang bersetuju menerima opsyen akan ditukar lantik ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, U22, U24. Pilihan yang dibuat adalah **muktamad**.

10. Pegawai yang terlibat diberi tempoh 30 hari mulai tarikh surat opsyen dikeluarkan untuk membuat pilihan sama ada menerima atau menolak tawaran ini. Pegawai yang tidak membuat sebarang opsyen atau gagal mengembalikan borang opsyen dalam tempoh yang ditetapkan tanpa sebab yang munasabah atau membuat opsyen dengan bersyarat akan dianggap sebagai tidak bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan baru ini. Mereka akan kekal dalam perkhidmatan hakiki sekarang secara Khas Untuk Penyandang.

11. Tawaran opsyen ini diberi kepada pegawai yang bertaraf tetap, termasuk mereka yang masih dalam tempoh percubaan dalam perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U11, U14.

12. Tawaran opsyen ini juga hendaklah diberi kepada Pembantu Kesihatan Awam Gred U11, U14 yang berada dalam keadaan berikut:

- (a) dipinjamkan atau ditukarkan sementara;
- (b) sedang bercuti;
- (c) tidak hadir bertugas semasa opsyen dikeluarkan dan berkuat kuasa;
- (d) sedang dalam proses tindakan tatatertib; dan
- (e) sedang menjalani hukuman tatatertib selain daripada hukuman buang kerja.

13. Pembantu Kesihatan Awam Gred U11, U14 yang sedang dalam proses tindakan tatatertib, jika sabit kesalahannya dan dijatuhi hukuman buang kerja dalam tempoh opsyen, maka tawaran opsyen tersebut dengan sendirinya terbatal.

14. Sekiranya surat tawaran opsyen tidak dapat disampaikan, termasuk kepada mereka yang berada dalam keadaan seperti di perenggan 12, Pihak Berkuasa Melantik boleh menawarkan surat tawaran opsyen dengan memberi tempoh yang sama (30 hari) untuk membolehkan mereka membuat pilihan, walaupun tempoh opsyen asal telah tamat.

15. Bagi maksud urusan pemberian opsyen, contoh surat tawaran, syarat-syarat pertukaran pelantikan, borang opsyen adalah di **Lampiran D, D1 dan D2**. Surat tawaran opsyen bagi pegawai yang belum layak seperti di perenggan 6(b) adalah di **Lampiran D3 dan D4**.

16. Tawaran opsyen ini tidak melibatkan pegawai dalam lantikan sementara/kontrak/sambilan.

KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN

17. Kaedah penetapan gaji permulaan pegawai yang sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U11, U14 ke Gred U17 adalah seperti yang ditetapkan berikut:

- (a) Pembantu Kesihatan Awam Gred U11 yang belum disahkan dalam perkhidmatan tetapi telah memenuhi syarat tempoh berkhidmat tiga tahun dan ke atas seperti ditetapkan di perenggan 6(a) hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1 (P1);

- (b) Pembantu Kesihatan Awam Gred U11 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi syarat tempoh berkhidmat tiga tahun dan ke atas seperti ditetapkan di perenggan 6(a) dan Pembantu Kesihatan Awam Gred U14, hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan boleh ditetapkan di matagaji tertinggi berhampiran di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

- (c) Pembantu Kesihatan Awam Gred U11 yang belum disahkan dalam perkhidmatan serta belum memenuhi syarat menghadiri dan lulus kursus peralihan seperti ditetapkan di perenggan 6(b) hendaklah dikekalkan secara KUP dalam skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan diselaraskan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) sehari selepas memenuhi syarat lulus kursus peralihan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, sekiranya pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan dalam tempoh mengikuti kursus yang ditetapkan, pegawai hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal, sehari selepas memenuhi syarat lulus kursus peralihan yang ditetapkan;

- (d) Pembantu Kesihatan Awam Gred U11 yang telah disahkan dalam perkhidmatan serta berkhidmat kurang daripada tiga tahun dan belum memenuhi syarat menghadiri dan lulus kursus peralihan seperti ditetapkan di perenggan 6(b), hendaklah dikekalkan secara KUP dalam skim perkhidmatan sedia ada. Gaji mereka hanya akan diselaraskan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal, sehari selepas memenuhi syarat lulus kursus peralihan yang ditetapkan; dan
- (e) pegawai yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh matagaji mengikut kaedah 17(b) di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

18. Jadual Gaji Matriks Gred U17, U22 dan U24 bagi perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam seperti di **Lampiran E, E1 dan E2** manakala contoh kaedah penetapan gaji permulaan pertukaran pelantikan adalah seperti di **Lampiran F, F1, F2, F3 dan F4**.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

19. Pergerakan gaji tahunan jawatan asal yang sepatutnya diterima oleh pegawai dalam tahun pertukaran pelantikan itu dikuatkuasakan hendaklah diberi di jawatan baru kecuali bagi pegawai yang belum memenuhi syarat lulus kursus peralihan yang ditetapkan.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

20. Tarikh Pergerakan Gaji (TPG) asal bagi pegawai yang terlibat dalam urusan ini hendaklah diubah kepada satu TPG baru pada tahun berikutnya selepas pelaksanaan pertukaran pelantikan. TPG baru ialah pada 1 Januari tahun berikutnya. Bagi pegawai

yang disyaratkan mengikuti menghadiri dan lulus kursus peralihan, TPG baru bagi tahun berikutnya berubah kepada 1 Januari selepas gajinya ditetapkan di Gred U17.

KAEDAH PELAKSANAAN OPSYEN

21. Bagi melaksanakan urusan ini, Pihak Berkuasa Melantik, Ketua Jabatan dan pegawai yang terlibat hendaklah mematuhi kaedah yang ditetapkan seperti berikut:

(a) Pihak Berkuasa Melantik

Menawarkan opsyen pertukaran pelantikan kepada pegawai yang terlibat.

(b) Ketua Jabatan

- (i) menyampaikan opsyen kepada pegawai yang terlibat. Penjelasan yang terperinci mengenai opsyen ini kepada pegawai yang terlibat dan implikasi keputusan yang dibuat hendaklah diberi;
- (ii) menyampaikan opsyen khas kepada pegawai yang belum memenuhi syarat untuk bertukar ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam yang baru dengan menggunakan borang opsyen khas;
- (iii) mengemaskini kenyataan perkhidmatan dan kenyataan cuti pegawai yang terlibat selaras dengan perubahan-perubahan berkaitan; dan
- (iv) melaksanakan pekeliling perkhidmatan ini dalam tempoh enam bulan dari tarikh ianya dikeluarkan dan melaporkan kepada Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam mengenai status pelaksanaan pekeliling perkhidmatan ini.

(c) Pegawai Yang Ditawarkan Opsyen

- (i) membaca dengan teliti dan faham mengenai opsyen sebelum membuat keputusan. Jika terdapat sebarang keraguan, pegawai hendaklah merujuk kepada ketua jabatan untuk mendapatkan penjelasan selanjutnya. Opsyen yang dibuat adalah muktamad;
- (ii) melengkapkan dua (2) salinan borang opsyen iaitu satu salinan untuk disimpan oleh ketua jabatan manakala satu salinan lagi untuk pegawai berkenaan; dan
- (iii) membuat pilihan dalam tempoh 30 hari mulai dari tarikh surat tawaran opsyen.

TARIKH KUAT KUASA

22. Tarikh kuat kuasa skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam yang baru ini ialah mulai **1 Januari 2005**.


PEMBATALAN

23. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, maka skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam yang berkuat kuasa pada 1 November 2002 melalui Lampiran B, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 adalah dibatalkan kecuali bagi menampung pegawai yang tidak menerima opsyen di bawah urusan ini.

PEMAKAIAN

24. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI JAMALUDDIN BIN HAJI AHMAD DAMANHURI)
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia.

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

7 Februari 2005

Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan.

LAMPIRAN A

**SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU KESIHATAN AWAM**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
TARIKH KUAT KUASA : 1 JANUARI 2005

Gred	Jadual Gaji Matriks					
Gred U17	:	P1T1	RM690.18	-	P1T17	RM1368.99
		P2T1	RM731.32	-	P2T17	RM1447.64
		P3T1	RM773.67	-	P3T17	RM1529.92
Gred U22	:	P1T1	RM984.21	-	P1T14	RM1583.16
		P2T1	RM1067.70	-	P2T14	RM1744.09
Gred U24	:	P1T1	RM1545.65	-	P1T12	RM2291.01
		P2T1	RM1659.39	-	P2T12	RM2530.59

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
(ii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan;
- dan
- (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**SYARAT KENAIKAN
PANGKAT SECARA
LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Am Rendah, Atendan Kesihatan dan Atendan Haiwan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U17, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
(ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
 - (b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

- PENETAPAN GAJI PERMULAAN**
3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U17 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- TEMPOH PERCUBAAN**
4. Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- LATIHAN**
5. Pembantu Kesihatan Awam boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- KURSUS INDUKSI/PEPERIKSAAN**
6. Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.
- PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**
7. Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya kursus induksi dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
- PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**
8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**
9. Pembantu Kesihatan Awam hendaklah melepasi penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U22**
10. Pembantu Kesihatan Awam Gred U17 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U22 yang kosong apabila telah:-
- (a) disahkan dalam perkhidmatan;
 - (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;
 - (c) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan
 - (d) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.
- KENAIKAN PANGKAT KE GRED U24**
11. Pembantu Kesihatan Awam Gred U22 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Kesihatan Awam Gred U24 yang kosong apabila telah:-
- (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan;
dan

(c) diperaku oleh ketua jabatan/perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT
SECARA LANTIKAN
KE PERKHIDMATAN
PENOLONG PEGAWAI
KESIHATAN PERSEKITARAN**

12. Pembantu Kesihatan Awam yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

Nota: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan terdahulu yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 [Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002, JPA(S)71/3 Klt. 2(3)].

LAMPIRAN B

IKLAN JAWATAN

1. (a) Jawatan : Pembantu Kesihatan Awam
(b) Kementerian/Jabatan : -
(c) Kumpulan : Sokongan
Perkhidmatan
(d) Klasifikasi : Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan
Perkhidmatan

2. Jadual Gaji : Gaji Matriks

Gred U17	:	P1T1 RM690.18	-	P1T17 RM1368.99
		P2T1 RM731.32	-	P2T17 RM1447.64
		P3T1 RM773.67	-	P3T17 RM1529.92
Gred U22	:	P1T1 RM984.21	-	P1T14 RM1583.16
		P2T1 RM1067.70	-	P2T14 RM1744.09
Gred U24	:	P1T1 RM1545.65	-	P1T12 RM2291.01
		P2T1 RM1659.39	-	P2T12 RM2530.59

3. SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
(ii) tamat dengan jayanya kursus latihan yang ditetapkan dan mendapat Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh kerajaan.

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

4. Taraf Jawatan : Tetap
5. Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan : Pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa
6. Fungsi Bidang Tugas : Melaksanakan aktiviti-aktiviti pengawalan dan pencegahan dengan menggunakan pendekatan kesihatan *primer*.

**PENGHURAIAN PERKHIDMATAN
PEMBANTU KESIHATAN AWAM (PKA)**

1. **SKIM PERKHIDMATAN**

Pembantu Kesihatan Awam U17, U22, U24

2. **PERINGKAT ORGANISASI**

Pelbagai Jabatan/Agensi Kerajaan.

3. **RINGKASAN TUGAS**

Melaksanakan aktiviti-aktiviti pengawalan dan pencegahan dengan menggunakan pendekatan kesihatan *primer* (*Control and prevention, Primary Health Care Approach*).

4. **SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS**

4.1 Bekalan Air Dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS)

- 4.1.1 Penyeliaan ke atas pembinaan sistem pelupusan air limbah;
- 4.1.2 Penyeliaan ke atas pembinaan sistem pelupusan sisa pepejal;
- 4.1.3 Pengawalan mutu air minum luar bandar termasuk membantu dalam penguatkuasaan Akta Air Minum;
- 4.1.4 Terlibat dalam pengawalan kesihatan alam sekitar dan program perlindungan alam sekitar.

4.2 Kawalan Penyakit Berjangkit

- 4.2.1 Membantu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran dalam pengawalan penyakit berjangkit seperti untut, puru serta melaporkan apa-apa kejadian luar biasa penyakit;
- 4.2.2 Semasa wabak membantu dalam pengawalan seperti membubuh ubat abate, disinfeksi dan lain-lain;

4.2.3 Mengesan penyakit berjangkit secara pasif.

4.3 Kawalan Mutu Air Minum (KMAM)

4.3.1 Mengambil contoh-contoh bekalan air di sekitar bandar dan ladang-ladang berasaskan sistem graviti, telaga dan tadahan air hujan;

4.3.2 Mengambil contoh bekalan air awam (JBA-JKR) bagi mengukur keasidan atau kealkalian.

4.4 Keselamatan Dan Kualiti Makanan

4.4.1 Membantu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran menjalankan aktiviti persampelan makanan;

4.4.2 Menyedia dan mengemaskini pendaftaran makanan "*Food Register*" dan *Food Handlers Register* di kawasan gerak kerja;

4.4.3 Membantu menjalankan penyiasatan kes keracunan makanan;

4.4.4 Menghantar kompaun atau saman;

4.5 Kesihatan Am

4.5.1 Mengadakan pemeriksaan susulan ke atas lading/lombong/sekolah selepas pemeriksaan awal oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran berkaitan dengan pelupusan sisa pepejal, najis dan air perlimbahan;

4.5.2 Memberi maklum balas mengenai sisa toksid dan punca-punca pencemaran alam sekitar di kawasan operasi.

5. **HUBUNGAN KERJA**

a. Dalaman

i. Anggota di unit yang sama

ii. Anggota di unit lain di dalam organisasi yang sama

- b. Luaran
 - i. Komuniti
 - ii. Jabatan kerajaan dan agensi-agensi lain
 - iii. Pekerja

6. **PERSEKITARAN KERJA**

Dalam dan luar pejabat (di lapangan)

7. **KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN**

- 7.1 Berpengetahuan dalam bidang kesihatan awam iaitu kawalan penyakit berjangkit, kawalan vektor, KMM, BAKAS dan KMAM.
- 7.2 Berpengetahuan memahami dan melaksanakan tugas mengikuti aktiviti-aktiviti yang ditetapkan.

8. **SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN**

- 8.1 Berketrampilan dan berpengetahuan;
- 8.2 Berkebolehan berkomunikasi dengan baik;
- 8.3 Perwatakan yang baik serta mesra dan boleh berkerjasama.

9. **ANCAMAN/BAHAYA**

- 9.1 Risiko kepada keselamatan dan kesihatan terhadap jangkitan penyakit.

KERTAS OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN

(Nama Pihak Berkuasa Melantik di agensi penerima)

Tarikh :

Nama : (Nama Pegawai)

Alamat :

Melalui Ketua Jabatan :

(Nama Ketua Jabatan agensi hakiki)

Tuan/Puan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN OPSYEN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, DI (Nama Agensi)

Dengan hormatnya memaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan untuk meminda skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam berkuat kuasa pada 1 Januari 2005. Sehubungan itu tuan/puan dengan ini ditawarkan pertukaran pelantikan ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam di (Nama Agensi) di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dengan gaji RM..... Gred U17 mulai tarikh yang sama.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di Lampiran D1. Tuan/puan dihendaki memberi jawapan sama ada

menerima atau tidak tawaran ini dengan mengisi Borang Opsyen di Lampiran D2 seperti berikut dan jawapan tuan/puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada

2.1 **Menerima Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (a) di Lampiran D2; atau

2.2 **Menolak Tawaran:**

Menandakan (✓) dalam kotak yang disediakan di perenggan (b) di Lampiran D2, jika tuan/puan menolak opsyen ini.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Nama Pihak Berkuasa Melantik di agensi penerima)

LAMPIRAN D1

SYARAT-SYARAT PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI OPSYEN KE SKIM PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM (UNTUK PEGAWAI TETAP SAHAJA)

Kerajaan telah memutuskan meminda skim perkhidmatan **OPSYEN**

Pembantu Kesihatan Awam Gred U11, U14. Dengan keputusan itu tuan/puan dengan ini diberi opsyen sama ada bersetuju untuk ditukar lantik ke perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam yang baru di bawah Klasifikasi Perubatan dan Kesihatan ataupun jika menolak akan kekal dalam perkhidmatan sekarang secara Khas Untuk Penyandang (KUP). Opsyen ini adalah muktamad.

Tempoh opsyen yang diberi kepada tuan/puan untuk membuat pilihan ialah selama tiga puluh (30) hari mulai dari tarikh surat tawaran dikeluarkan. Jika tuan/puan tidak membuat pilihan atau membuat pilihan dengan bersyarat atau gagal mengembalikan borang opsyen tanpa sebarang sebab yang munasabah, tuan/puan adalah dianggap tidak bersetuju menerima tawaran pertukaran pelantikan ini.

**TEMPOH MEMBUAT
OPSYEN**

Tuan/puan akan ditawarkan ke skim perkhidmatan yang baru pada gred yang setaraf dengan jawatan tuan/puan di jawatan lama bergantung kepada skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. Gelaran jawatan tuan/puan, jika perlu, akan diubahsuai mengikut skim perkhidmatan tersebut.

**JAWATAN YANG
DITAWARKAN**

Tuan/puan akan tertakluk kepada syarat dan peraturan perkhidmatan seperti yang diperuntuk dalam skim perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik.

**PENAKLUKAN DI
BAWAH SYARAT DAN
PERATURAN
PERKHIDMATAN BARU**

GAJI PERMULAAN

(i) Tuan/puan di Gred U11 yang belum disahkan dalam perkhidmatan tetapi telah memenuhi syarat tempoh berkhidmat tiga tahun dan ke atas akan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji jawatan asal di Peringkat 1 (P1);

(ii) Tuan/puan di Gred U11 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi syarat berkhidmat tiga tahun dan ke atas dan tuan/puan di Gred U14 akan ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal. Jika matagaji di P1 jawatan baru tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan mengikut prinsip di atas, gaji permulaan boleh ditetapkan di Peringkat 2 (P2) dan seterusnya di Peringkat 3 (P3) jika matagaji P2 masih tidak dapat menampung gaji permulaan yang ditetapkan;

(iii) Tuan/puan di Gred U11 yang belum disahkan dalam perkhidmatan serta belum memenuhi syarat menghadiri dan lulus kursus peralihan yang ditetapkan akan dikekalkan secara KUP dalam skim perkhidmatan sedia ada. Gaji tuan/puan hanya akan diselaraskan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) sehari selepas memenuhi syarat lulus kursus peralihan yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, sekiranya tuan/puan telah disahkan dalam perkhidmatan dalam tempoh menghadiri kursus yang ditetapkan, tuan/puan

hendaklah ditawarkan matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir jawatan asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal, sehari selepas memenuhi syarat kursus yang ditetapkan.

(iv) Tuan/puan di Gred U11 yang telah disahkan dalam perkhidmatan serta berkhidmat kurang daripada tiga tahun dan belum memenuhi syarat menghadiri dan lulus kursus peralihan yang ditetapkan akan dikekalkan secara KUP dalam skim perkhidmatan sedia ada. Gaji tuan/puan hanya akan diselaraskan ke matagaji tertinggi berhampiran dengan matagaji akhir di jawatan asal di Peringkat 1 (P1) yang jumlahnya tidak kurang daripada satu Pergerakan Gaji Biasa jawatan asal, sehari selepas memenuhi syarat lulus kursus peralihan yang ditetapkan.

(v) Tuan/puan yang gaji akhirnya tidak dapat ditampung oleh matagaji mengikut kaedah di atas, maka jadual gaji Khas Untuk Penyandang (KUP) di jawatan baru hendaklah dipohon daripada Bahagian Gaji dan Elaun, Jabatan Perkhidmatan Awam.

6. Tarikh pergerakan gaji tuan/puan pada tahun berikutnya berubah mengikut tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Bagi tuan/puan yang disyaratkan menghadiri dan lulus kursus peralihan, tarikh pergerakan gaji pada tahun berikutnya berubah kepada 1 Januari selepas gaji tuan/puan ditetapkan di Gred U17.

TARIKH PERGERAKAN GAJI

7. Tuan/puan akan dikecualikan daripada syarat tempoh percubaan jika tuan/puan telah disahkan dalam jawatan asal atau tuan/puan ditukar lantik ke jawatan gred kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun untuk tujuan faedah persaraan, tuan/puan hendaklah disahkan dalam jawatan baru oleh Pihak Berkuasa Melantik pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG TELAH DISAHKAN**
8. Tuan/Puan yang belum disahkan dalam jawatan asal, dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan dan boleh disahkan dalam perkhidmatan pada bila-bila masa sekiranya telah mencukupi tempoh setahun termasuk mengambil kira tempoh percubaan jawatan asal tertakluk dengan syarat tuan/puan telah memenuhi semua syarat pengesahan yang ditetapkan. Syarat-syarat pengesahan yang telah dipenuhi dengan jayanya semasa di jawatan asal adalah dikecualikan. **TEMPOH PERCUBAAN BAGI PEGAWAI YANG BELUM DISAHKAN**
9. Kekananan tuan/puan yang menerima pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen ini dikekalkan. **KEKANANAN**
10. Jika tuan/puan belum disahkan dalam jawatan dan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak diberi opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. **OPSYEN SKIM KWSP**
11. Taraf berpencen yang diberi kepada tuan/puan sebelum pertukaran pelantikan ini dikuatkuasakan akan dikekalkan. **TARAF BERPENCEN DIKEKALKAN**
12. Jika tuan/puan belum diberi taraf berpencen, tuan/puan layak dipertimbangkan diberi taraf pegawai berpencen **PEMBERIAN BERPENCEN TARAF**

mengikut peraturan pencen yang berkuat kuasa.

13. Tuan/puan dibenarkan membawa baki cuti rehat dan cuti rehat yang telah dikumpulkan untuk tujuan pemberian wang tunai gantian cuti rehat, mengikut syarat dan peraturan yang berkuat kuasa. **CUTI REHAT**
14. Tuan/puan boleh ditempatkan berkhidmat di mana-mana jua sepertimana yang diarahkan oleh Ketua Perkhidmatan/Ketua Jabatan. **PENEMPATAN**
15. Ketua Perkhidmatan tuan/puan ialah ketua bagi perkhidmatan yang tuan/puan ditukar lantik. **KETUA PERKHIDMATAN**
16. Tuan/puan akan sentiasa tertakluk kepada peraturan dan arahan yang berkuat kuasa. **KEPERLUAN MEMATUHI PERATURAN**
17. Tuan/puan dikecualikan daripada syarat pemeriksaan perubatan, sumpah berkanun dan tapisan keselamatan sekiranya tuan/puan telah memenuhi syarat tersebut semasa dalam jawatan asal. **SYARAT PELANTIKAN YANG DIKECUALIKAN**
18. Pertukaran pelantikan tuan/puan melalui pemberian opsyen ini adalah berkuat kuasa mulai 1 Januari 2005. **TARIKH KUAT KUASA**
19. Hubungan tuan/puan dengan perkhidmatan asal adalah terputus kecuali bagi tujuan persaraan, kemudahan-kemudahan lain yang diberi berdasarkan tempoh perkhidmatan seperti cuti rehat, cuti haji dan pinjaman. **HUBUNGAN DENGAN PERKHIDMATAN ASAL**

BORANG OPSYEN

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DI (Nama Agensi)

Berhubung dengan surat tuan bil. bertarih mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan sendiri seperti berikut:-

- * (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam di (Nama Agensi) ke perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) dengan menerima gaji P..T.. sebanyak RM..... sebulan atas gred gaji U17.

ATAU

* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan ke perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal dalam perkhidmatan sekarang.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarikh dan implikasi pilihan sendiri ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam perkhidmatan sekarang.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Di hadapan :

.....

SAKSI**
(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

**TAWARAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN
PEMBANTU KESIHATAN AWAM DI BAWAH KLASIFIKASI
PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
(kepada pegawai yang belum memenuhi syarat tukar lantik)**

Tarikh :

Bil :

Nama :

Alamat:

Melalui Ketua Jabatan:

Tuan/Puan,

**TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN MELALUI PEMBERIAN
OPSYEN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM DI
BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN
KESIHATAN, DI (Nama Agensi)**

Tuan/puan dengan ini ditawarkan ke skim perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam baru yang akan berkuat kuasa sehari selepas tuan/puan memenuhi syarat menghadiri kursus peralihan yang ditetapkan seperti dinyatakan di perenggan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan Tahun 2005. Dengan itu tuan/puan akan dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di atas Gred sehingga memenuhi syarat tersebut.

2. Tawaran pertukaran pelantikan melalui opsyen ini tertakluk kepada syarat-syarat seperti dinyatakan di Lampiran D1. Sekiranya tuan/puan bersetuju menerima opsyen ini, tuan/puan perlu menjawab dalam tempoh 30 hari mulai Tuan/puan adalah dihendaki menandatangani borang opsyen seperti di Lampiran D4 dan mengembalikan kepada Pihak Berkuasa Melantik dalam tempoh yang dinyatakan di atas.

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan)
Pihak Berkuasa Melantik

BORANG OPSYEN

Fail Rujukan :

Tarikh :

Kepada : (Pihak Berkuasa Melantik)

Melalui Ketua Jabatan

Tuan,

TAWARAN PERTUKARAN PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN PEMBANTU KESIHATAN AWAM DI BAWAH KLASIFIKASI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN DI (Nama Agensi)

Berhubung dengan surat tuan bil. bertarih mengenai perkara di atas, maka saya dengan ini membuat pilihan sendiri seperti berikut:-

- * (a) **Bersetuju** menerima pertukaran pelantikan dari perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam di (Nama Agensi) ke perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) dengan dikekalkan secara Khas Untuk Penyandang (KUP) di atas Gred sehingga memenuhi syarat pertukaran pelantikan.

ATAU

* (b) **Tidak bersetuju** menerima tawaran pertukaran pelantikan ke perkhidmatan Pembantu Kesihatan Awam di bawah Klasifikasi Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan di (Nama Agensi) dan dengan ini bersetuju kekal dalam perkhidmatan sekarang.

2. Saya sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan bil. bertarikh dan implikasi pilihan sendiri ini dan saya sesungguhnya mengetahui bahawa pilihan yang saya buat ini adalah muktamad. Saya juga faham bahawa sekiranya ada di antara maklumat yang saya beri untuk tujuan pertukaran pelantikan ini tidak betul, maka pertukaran pelantikan saya dengan sendirinya terbatal dan saya akan dikekalkan di dalam perkhidmatan sekarang.

Tandatangan :

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

Di hadapan :

.....
SAKSI**
(Tandatangan dan Cop Jawatan)

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

.....

.....

Tarikh :

* Tandakan (✓) dalam salah satu petak yang berkenaan.

** Ketua Jabatan atau Pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional.

LAMPIRAN E
JADUAL BILANGAN U-17

JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : U17

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : UA17000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005

JADUAL GAJI SSM : U17

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14	T15	T16	T17
P1	690.18	730.11	770.04	809.97	849.90	889.83	929.76	969.69	1009.62	1049.55	1089.48	1129.41	1169.34	1209.27	1262.51	1315.75	1368.99
P2	731.32	772.46	813.60	854.74	895.88	937.02	978.16	1019.30	1060.44	1101.58	1142.72	1183.86	1225.00	1280.66	1336.32	1391.98	1447.64
P3	773.67	816.02	858.37	900.72	943.07	985.42	1027.77	1070.12	1112.47	1154.82	1197.17	1239.52	1297.60	1355.68	1413.76	1471.84	1529.92

LAMPIRAN E1

JADUAL BILANGAN U-22

**JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
SOKONGAN**

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : U22

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : UA22000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005

JADUAL GAJI SSM : U22

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12	T13	T14
P1	984.21	1024.14	1064.07	1104.00	1143.93	1183.86	1223.79	1263.72	1316.96	1370.20	1423.44	1476.68	1529.92	1583.16
P2	1067.70	1110.05	1152.40	1194.75	1237.10	1279.45	1337.53	1395.61	1453.69	1511.77	1569.85	1627.93	1686.01	1744.09

JADUAL GAJI SSM BAGI PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN
SOKONGAN

(RM SEBULAN)

I. GRED GAJI SSM : U24

II. KOD GAJI KOMPUTER SSM : UA24000

III. TARIKH KUATKUASA : 1.1.2005

JADUAL GAJI SSM : U24

	T1	T2	T3	T4	T5	T6	T7	T8	T9	T10	T11	T12
P1	1545.65	1598.89	1652.13	1705.37	1758.61	1811.85	1891.71	1971.57	2051.43	2131.29	2211.15	2291.01
P2	1659.39	1717.47	1775.55	1833.63	1920.75	2007.87	2094.99	2182.11	2269.23	2356.35	2443.47	2530.59

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U11 KEPADA PEMBANTU
KESIHATAN AWAM GRED U17**

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat 1 (P1) Gred U17**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Januari

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U11 (RM)	Gaji Baru Gred U17 (RM)	Catatan
31.12.2004	1004.78 (P2T13)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	1004.78 (P2T13)	1049.55 (P1T10)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.1.2005	-	1089.48 (P1T11)	TPG jawatan asal. Pergerakan gaji diberikan di jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2006	-	1129.41 (P1T12)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U11 KEPADA PEMBANTU
KESIHATAN AWAM GRED U17**

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat 1 (P1) Gred U17**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Oktober

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U11 (RM)	Gaji Baru Gred U17 (RM)	Catatan
31.12.2004	638.15 (P1T4)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	638.15 (P1T4)	690.18 (P1T1)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.10.2005	-	730.11 (P1T2)	TPG jawatan asal. Pergerakan gaji diberikan di jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2006	-	770.04 (P1T3)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U14 KEPADA PEMBANTU
KESIHATAN AWAM GRED U17**

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat 3 (P3) Gred U17**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U14 (RM)	Gaji Baru Gred U17 (RM)	Catatan
31.12.2004	1463.37 (P2T7)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	1463.37 (P2T7)	1529.92 (P3T17) (maksimum)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.7.2005	-	1529.92 (P3T17) (maksimum)	TPG jawatan asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji diberi kerana pegawai telah berada di matagaji maksimum.
1.1.2006	-	1529.92 (P3T17) (maksimum)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM. Tiada pergerakan gaji diberikan kerana pegawai telah berada di matagaji maksimum.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U11 KEPADA PEMBANTU
KESIHATAN AWAM GRED U17**

**(Pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan tetapi telah memenuhi syarat menghadiri
dan lulus kursus peralihan)**

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat 1 (P1) Gred U17**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh Lulus Kursus Peralihan Yang Ditetapkan: 2 Oktober 2005

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U11 (RM)	Gaji Baru Gred U17 (RM)	Catatan
31.12.2004	577.65 (P1T2)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	577.65 (P1T2)	-	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Pegawai dikekalkan gaji di jawatan asal secara Khas Untuk Penyandang (KUP).
1.7.2005	607.90 (P1T3)	-	TPG jawatan asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
3.10.2005	-	690.18 (P1T1)	Dipindahkan ke matagaji tertinggi berhampiran di P1 Gred U17 sehari selepas tarikh lulus kursus peralihan yang ditetapkan.
1.1.2006	-	730.11 (P1T2)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji

**KAEDAH PENETAPAN GAJI PERMULAAN PERTUKARAN PELANTIKAN
BAGI PEMBANTU KESIHATAN AWAM GRED U11 KEPADA PEMBANTU
KESIHATAN AWAM GRED U17**
(Pegawai belum disahkan dalam perkhidmatan tetapi telah memenuhi syarat tempoh
berkhidmat tiga tahun dan ke atas)

**Kaedah Penetapan Gaji Kepada Matagaji Baru
Di Peringkat 1 (P1) Gred U17**

Tarikh Kuat Kuasa : 1 Januari 2005

Tarikh Pergerakan Gaji Asal : 1 Julai

Tarikh	Gaji Sekarang Gred U11 (RM)	Gaji Baru Gred U17 (RM)	Catatan
31.12.2004	668.40 (P1T5)	-	Gaji akhir di jawatan asal.
1.1.2005	668.40 (P1T5)	690.18 (P1T1)	Tarikh kuat kuasa pertukaran pelantikan. Gaji permulaan pertukaran pelantikan yang akan ditawarkan kepada pegawai.
1.7.2005		730.11 (P1T2)	TPG jawatan asal. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.
1.1.2006	-	770.04 (P1T3)	TPG jawatan baru. Pergerakan Gaji Biasa mengikut keputusan PPSM.

Catatan:

PPSM : Panel Pembangunan Sumber Manusia
TPG : Tarikh Pergerakan Gaji